



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

**KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan Perkhidmatan berikut:

NO. TENDER	KOD BIDANG	TAJUK TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
0062/2025	221001 & 221002	CADANGAN PERKHIDMATAN MENCUCI KAWASAN PEJABAT DAN AWAM BANGUNAN IBU PEJABAT MARA, KUALA LUMPUR SESI 2026 - 2028	Tiada	18/11/2025 HINGGA 25/11/2025 (Sebelum 12.00 tengah hari)	RM25.00	9/12/2025 (SELASA) (Sebelum 12.00 tengah hari)

*** Hanya satu (1) penama Syarikat yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dibenarkan untuk pembelian Nombor Pin dokumen tender secara atas talian (online)**

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web <http://www.speed2u.my> disamping memastikan telah **LULUS** Pasaran MARA (SPEED2U) sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO/SPEED2U di talian 03-78854111/79855287 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
3. Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, pembekal boleh mendapatkan No Pin dengan membuat pembelian di Pejabat MARA Negeri dan Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA dan memastikan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh:
- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - iii) **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) BERSTATUS PATUH**
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
4. Pembekal juga boleh mendapatkan no. pin di Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA atau Pejabat MARA Negeri dengan membuat pembayaran melalui Debit Card dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
5. Hanya pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan SENNEGO/SPEED2U dan berjaya menyertai pasaran MARA serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan dibenarkan untuk membuat pembelian melalui <https://bayar.maraeps.my>.
6. MARA tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya no.pin tidak dapat dijana disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan SPEED serta gagal mendapat kelulusan menyertai Pasaran MARA atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. No pin akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no pin telah dijana.
7. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web www.speed2u.my mulai 18/11/2025 hingga 25/11/2025. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas 26/11/2025 tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan Penjanaan No Pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26134482/34479/34480/34465.
8. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen tender secara manual dan melalui atas talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup tender.
9. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Sila bawa cop Syarikat yang lengkap bagi memudahkan proses pendaftaran. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.

10. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
11. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
12. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invoice.
13. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah:

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR.**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

14. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
15. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>.
16. Pembelian Dokumen dan penghantaran Dokumen Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.